



**KETUA PENGARAH**  
**DIRECTOR GENERAL**  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY  
Kementerian Dalam Negeri  
Ministry of Home Affairs  
Jalan Maktab Perguruan Islam  
43000 KAJANG  
SELANGOR, MALAYSIA



Tel: 603-8911 2221  
Faks (Fax): 603-8926 2023  
Laman Web (Web): www.adk.gov.my

Ruj. Kami : AADK 100-2/2/2 ( 67 )  
Tarikh : 23 Julai 2015

Ketua Pengarang  
**HARIAN METRO.**

Tuan/Puan

**MAKLUMBALAS AWAM MENGENAI MASALAH PENAGIHAN REMAJA MELALUI AKHBAR HARIAN METRO BERTARIKH 23 JULAI 2015 DI DALAM RUANGAN SMS (M/S 25A)**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada isu yang dikemukakan oleh **ADIN7215** [IMC99892] melalui akhbar Harian Metro bertarikh 23 Julai 2015.

3. Sehubungan dengan itu, berikut adalah maklumbalas AADK bagi artikel berkenaan :

*" Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan ADIN7215 dalam permasalahan dadah golongan remaja di luar bandar. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. Bagi tahun 2015 AADK telah merancang program pencegahan dadah yang memfokus kepada golongan remaja di kawasan berisiko tinggi serta dikawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Harian Metro, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888 "*

4. Kerjasama daripada pihak tuan untuk menyiarkan jawapan tersebut di dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH )**  
Ketua Pengarah,  
Agensi Antidadah Kebangsaan,  
Kementerian Dalam Negeri.

s.k Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), AADK

Pengarah Bahagian Pencegahan, AADK

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan, AADK

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. MARILAH BERTINDAK SEGERA  
*Eradication Drug Abuse Is Our Collective Responsibility. Lets Act Now*